

Manfaat cuti semester buat kerja sementara tingkat ilmu

Cuti semester yang kini menjengah seharusnya memberi sinar keemasan kepada pelajar Universiti Awam (UA) untuk melakukan perkara berfaedah.

Dengan tempoh cuti yang lama antara dua minggu hingga tiga bulan, ia harus diurus dengan bijak dan mengambil inisiatif membuat perkara berfaedah. Firman Allah SWT dalam surah Al-Asr menyebut: "Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal salih dan nasehat menasihati supaya mentaati kebenaran dan nasehat menasihati supaya menetapi kesabaran."

Antara yang boleh dilakukan adalah mencari kerja sementara sebagai kegunaan pada semester baharu, selain ia adalah pengalaman berharga untuk kerjaya selepas menamatkan pengajian. Sebaiknya mereka bekerja di syarikat dan pekerjaan berbeza setiap cuti semester agar pengalaman dapat diperluaskan.

Selain itu, membabitkan diri dengan program khidmat masyarakat juga boleh dilakukan. Tam-

bahan pada bulan mulia ini disarankan kita membuat amal kebajikan juga menyumbang tenaga dan idea. Tenaga muda yang perlu dimanfaatkan dalam memuat kerja kebajikan serta berfaedah kepada masyarakat memerlukan.

Di samping itu, cuti lama ini juga membuka jalan kepada pelajar mengikuti kursus atau kelas jangka pendek. Anas RA berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Barang siapa keluar mencari ilmu maka dia sebenarnya berjihad di jalan Allah sehingga dia kembali. Sesungguhnya Allah SWT sangat memuliakan orang yang mencari ilmu."

Kursus jangka pendek

Kursus jangka pendek ini berfungsi mengajar masyarakat mengenai kemahiran yang boleh digunakan dalam kehidupan seharian dan menjadi ilmu tambahan buat masyarakat. Kursus yang diikuti menepati kehidupan seharian seperti menjahit, membaiki motosikal, kemahiran komputer dan memasak. Tidak semua universiti dan kolej mengkhusus dalam bi-



Menyertai kursus kemahiran ketika cuti semester mampu **meningkatkan kualiti diri pelajar.**

[GAMBAR HIASAN]

dang seperti ini, jadi pelajar boleh menambah ilmu dan 'soft skill' dengan mendaftar kursus itu untuk digunakan dalam kehidupan di kampus atau di luar.

Kemahiran yang pelbagai menjadi bonus buat pelajar dalam mencari pekerjaan kerana pengambilan pelajar selepas tamat pengajian lebih tertumpu kepada

mereka yang mempunyai pelbagai kemahiran.

Jangan sia-siakan peluang

Oleh yang demikian, pelajar harus bangkit berbakti kepada diri, keluarga dan negara. Ambil kesempatan yang ada. Jangan disia-siakan segala peluang yang Allah beri. Bentuk diri agar menjadi

generasi yang bukan sahaja bijak dalam pelajaran tetapi dapat mencorak diri ke arah lebih berwawasan dengan peka kepada persekitaran, diri, pengurusan masa dan menyumbang untuk negara.

Syafiqah Mahirah Jaafar,
Universiti Sains Islam Malaysia